

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

TARIKH : 9.4.2014

SOALAN :

Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk memansuhkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang ternyata membebankan guru dan masyarakat, dan sila jelaskan adakah benar kementerian menangguhkan perlaksanaan PBS sehingga masalah-masalah yang ada diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti pengumuman yang telah dibuat, penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan mulai 1 April 2014 berikutan hasil kajian semula PBS yang melibatkan pelbagai pihak *stakeholder*. Antara penambahbaikan yang akan dilakukan ialah:

- i. Menggantikan penggunaan Dokumen Standard Prestasi (DSP) dengan Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid. Guru juga tidak perlu menyediakan Fail Perkembangan Murid (FPM) dan melengkapkan Rekod Transit. Perekodan perkembangan pembelajaran murid boleh dilakukan mengikut kesesuaian guru;
- ii. Bagi memastikan guru memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru tidak perlu lagi mengisi data penguasaan murid menerusi

SPPBS secara on line seperti sebelum ini. Guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara offline. Pihak sekolah akan mengadakan ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun atau peperiksaan akhir tahun sekolah yang dapat memberi gambaran kepada ibu bapa tentang tahap pencapaian anak mereka. Guru akan menyediakan pelaporan perkembangan pembelajaran murid untuk memaklumkan kepada ibu bapa; dan

- iii. Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Tingkatan 3 akan digantikan dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Ini bermakna tiada peperiksaan berpusat untuk pelajar Tingkatan 3. Melalui pentaksiran, pihak sekolah akan mentadbir, mentaksir dan memberi skor terhadap pentaksiran tersebut berpandukan instrumen dan panduan peraturan penskoran yang setara (standardised) yang disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan (LP). Pentaksir luar yang dilantik oleh LP akan melaksanakan verifikasi dan LP akan melaksanakan moderasi sebelum pelaporan dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan PBS yang telah ditambah baik ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, KPM akan mengadakan taklimat secara terperinci tentang konsep dan pelaksanaannya kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir dan guru-guru. KPM juga akan mengadakan latihan supaya guru memahami konsep pentaksiran dan mengamalkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kemahiran guru memeriksa jawapan murid.